



## Kameel dilantik jadi CEO baharu Cagamas

Oleh Wartawan BH - Ogos 18, 2023 @ 2:39pm

bhbiz@nsp.com.my



Kameel Abdul Halim

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd melantik Kameel Abdul Halim sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu, berkuat kuasa 11 September 2023.

Kameel akan menggantikan Datuk Chung Chee Leong, yang tamat penggalnya pada 30 Ogos 2023.

Dalam satu kenyataan hari ini, perbadanan gadai janji negara itu menyatakan bahawa Kameel mempunyai pengalaman lebih daripada 25 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan, dengan pelbagai kepakaran dalam perbankan komersial, kewangan pembangunan dan perbankan pelaburan.

"Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dari Coventry University, United Kingdom (UK), dan Ijazah Sarjana Pengurusan Risiko (Kepujian) dari University of Nottingham, UK.

"Lembaga pengarah berbesar hati mengalu-alukan Kameel yang akan menerajui syarikat dalam fasa pertumbuhan akan datang.

"Lembaga pengarah mahu menzahirkan penghargaan kepada Datuk Chung (Chee Leong) di atas kepimpinan dan dedikasi sepanjang perkhidmatan selama 11 tahun dan mengucapkan selamat maju jaya di atas usaha masa depan beliau," kata Cagamas.

Cagamas ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan pemilikan rumah dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia.

Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan institusi bukan kewangan.